



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/11/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Gading gajah dalam rumah

**Orang asli ditahan bersama senapang patah dan peluru**

KOTA BHARU

Seorang lelaki orang asli ditahan polis selepas pemeriksaan yang dilakukan di rumahnya di Kampung Sugi dekat Pos Pasik, Gua Musang menemui dua gading gajah dan sepucuk senapang patah bersama 31 butir peluru pada Selasa lepas.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, lelaki berusia 51 tahun itu adalah penduduk tempatan dan rumahnya diperiksa selepas pihak berkuasa menerima maklumat daripada orang awam.

Menurutnya, serbuan dilakukan pada jam 6 petang sempena Ops Bersepadu Khazanah oleh sepasukan pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan bersama empat anggota Batalion 18 Pasukan Gerakan

Am (PGA18) dan tiga kakitangan Jabatan Perhutanan negeri.

"Siasatan awal pihak berkuasa mendapati lelaki berkenaan mengetahui senapang patah adalah milik bapa mentuanya yang digunakan untuk membunuh musuh tanaman.

"Bagaimanapun, lelaki berkenaan terpaksa ditahan kerana siasatan awal mendapati senjata

api bersama peluru tidak didaftarkan oleh mana-mana pihak," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Katanya, siasatan akan dijalankan mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api 1960.

Hasanuddin berkata, pada hari yang sama juga, empat lelaki berusia 28 hingga 43 tahun

yang menaiki sebuah pacuan empat roda ditahan pihak berkuasa ketika cuba memasuki Pos Pasik, kira-kira jam 4 petang.

Katanya, pemeriksaan di dalam kenderaan terbabit menemui 25 unit jerat ayam dan burung serta satu unit tanduk rusa.

"Kesemua suspek masih ditahan di IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) Gua Musang manakala barang rampasan diserahkan kepada Jabatan Perhilitan Kelantan untuk tindakan selanjutnya," katanya. - *Bernama*



Suspek dipercayai merakam gambar bersama bangkai gajah yang telah dilapah.

## PEMBETULAN

Keterangan gambar pada berita 'Segerakan lima projek utama' di muka surat 36 Sinar Harian siaran 12 November 2019 sepatutnya adalah Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V memakaikan darjah kebesaran Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (SPSK) yang membawa gelaran Datuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan, Datuk Shahidani Abd Aziz, di Istana Balai Besar. Segala kesulitan terhadap keterangan gambar amat dikesali.